

## SIARAN MEDIA

### **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) LANCAR SISTEM PENYELESAIAN ADUAN DAN PENGENDALIAN SIASATAN (SPAPS) DAN PELAN STRATEGIK 2023 HINGGA 2027**

**PUTRAJAYA, 7 Jun 2023** – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) melancarkan Sistem Penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan (SPAPS) dan Pelan Strategik 2023 hingga 2027 di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang EAIC 2022 hari ini. Kedua-dua pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Pengerusi EAIC.

SPAPS merupakan platform yang dibangunkan khusus untuk orang awam menyalurkan aduan terhadap pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. SPAPS yang boleh diakses melalui pautan [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my) atau imbasan Kod QR untuk memudahkan maklumat aduan diurus dengan lebih cekap, teratur dan telus ke arah meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap penyelesaian aduan dan pengendalian siasatan di EAIC.



**Gambar: Kod QR Sistem SPAPS EAIC**

Peralihan kaedah pengurusan aduan secara manual kepada SPAPS ini akan dapat meningkatkan kecekapan dan melancarkan pengurusan aduan di EAIC dengan lebih sistematik dan berkesan. Sehingga 31 Mei 2023, EAIC telah mencatatkan sebanyak 302 aduan berkaitan salah laku penguat kuasa berbanding 704 aduan pada tahun 2022.

Sementara itu Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 yang turut dilancarkan pada hari ini akan menjadi panduan kepada pelaksanaan, pemantauan dan penilaian prestasi bagi program yang dirancang oleh EAIC selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

Pelan tersebut merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik 2017 hingga 2022 dengan memberi penekanan kepada usaha pengukuhan gerak kerja EAIC dalam merintis transformasi perkhidmatan yang berintegriti oleh agensi penguatkuasaan seliaan kepada orang awam.

Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 menggariskan 4 (empat) bidang keutamaan, iaitu **(i) memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan aduan dan siasatan yang berkesan; (ii) memantapkan perundangan, dasar dan prosedur yang efektif; (iii) mempertingkatkan kesedaran integriti ke arah pendidikan, pencegahan dan pembudayaan nilai integriti; dan (iv) memperkukuhkan keupayaan dan tadbir urus EAIC bagi mencapai kecemerlangan secara holistik.**

Pelan ini turut mengambil kira dasar-dasar semasa Kerajaan, komitmen pengurusan tertinggi dan cabaran-cabaran semasa yang dihadapi bagi memastikan EAIC sentiasa kekal relevan sebagai badan pengawasan integriti agensi penguatkuasaan seliaan. Pemantauan pelaksanaan Pelan ini akan diadakan empat (4) kali setahun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Strategi EAIC 2023 hingga 2027.

Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 akan dijadikan rujukan komprehensif dan inklusif oleh warga kerja EAIC bagi meningkatkan keyakinan semua pihak terhadap EAIC sebagai agensi yang menerajui pemerkasaan integriti pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang EAIC pada hari ini turut meraikan enam (6) individu yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 13 penerima Sijil Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)